

KESILAPAN EJAAN DALAM TERJEMAHAN PELAJAR BAHASA PERANCIS DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (SPELLING ERRORS IN TRANSLATION OF FRENCH LANGUAGE STUDENTS AT UNIVERISTY PUTRA MALAYSIA)

HAZLINA ABDUL HALIM*, ANG LAY HOON, NORMALIZA ABD RAHIM, ROSLINA MAMAT
DAN NOR SHAHILA MANSOR

Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, 43400 Selangor.

**Corresponding author: hazlina_ah@upm.edu.my*

Abstrak: Sering kali terdapat kesilapan pelajar dalam mempelajari bahasa Perancis. Kesilapan ini akan menggugat proses penguasaan bahasa kerana ia akan memberi kesan terhadap proses penguasaan gramatikal dan semantik pelajar. Justeru itu, kajian ini bertujuan menganalisis kesilapan ejaan dalam karangan pelajar yang mempelajari bahasa Perancis sebagai bahasa asing. Sampel dalam kajian ini terdiri daripada 15 karangan sepanjang 250 – 400 perkataan yang disediakan oleh pelajar tahap Tiga. Analisis kajian ini dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif dengan mengaplikasikan pengkelasan kesilapan ejaan oleh Rimrott & Heift (2008). Hasil kajian mendapati sebanyak 77 kesilapan dilakukan oleh pelajar, yang melibatkan 22 kesilapan fonologikal, 33 kesilapan morfologikal dan 22 kesilapan leksikal. Hasil kajian juga mendapati, kesilapan ini berlaku disebabkan kekeliruan fonologikal, generalisasi terlampau daripada bahasa Inggeris dan ketidakfahaman mengenai tatabahasa bahasa Perancis, khususnya yang melibatkan kala lampau dan bentuk pasif.

Kata kunci: Kesilapan ejaan, terjemahan, bahasa Perancis.

Abstract: Errors occurred towards students in learning French language. These errors will intimidate the empowering the language process as it affects the students' gramatic and semantic mastery process. Thus, this study aim to analyse the spelling errors in essay of students who is learning French language as foreign language. Sampels were 15 essays length between 250-400 words written by Third level students. Sampels analysis are done quantitative and qualitatively by applying the spelling errors classification by Rimoff & Heift (2008). Results from this research have identified 77 errors done by the students, including 22 phonological errors, 33 morphological errors and 22 lexical error. Result also finds, these errors occurred due to phonological confusion, over-generalisation from English language and misunderstanding of French language grammar rules, especially involving past tense and passive form.

Keywords: Spelling errors, translation, French language.

Pengenalan

Salah satu kemahiran penting dalam pemerolehan bahasa ialah kebolehan seseorang pelajar untuk berkomunikasi secara bertulis serta efektif. Di antara elemen yang perlu dititikberatkan dalam komunikasi tersebut ialah ejaan. Ejaan memainkan peranan yang penting dalam penulisan kerana suatu kesilapan ejaan boleh mengubah perkataan dan menyebabkan keseluruhan ayat tidak mempunyai makna yang sebenarnya yang ingin disampaikan.

Secara amnya, penguasaan ejaan yang baik dilihat sebagai mempunyai pengetahuan baik, sementara kelemahan ejaan pula dilihat sebagai penguasaan pengetahuan yang lemah (Fageberg, 2006).

Sorotan Literatur

Salah satu daripada punca kesilapan ejaan dalam pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing adalah disebabkan oleh kesilapan intralingual dan juga interlingual. Pelajar

bahasa kedua atau bahasa asing sering melakukan kesilapan ejaan kerana tidak mahir dengan sistem bahasa tersebut, termasuk kepekaan fonologikal, penguasaan ortografi atau hubungan morfologikal-semantik bahasa sasaran (Apel, Masterson & Niessen, 2004). Kesilapan ejaan secara interlingual pula dicetuskan oleh gangguan yang berpunca daripada penguasaan bahasa ibunda dalam penguasaan bahasa sasaran (Figueredo, 2006).

Wang dan Geva (2003) dalam kajian mereka terhadap pemerolehan bahasa Inggeris, mendapati kanak-kanak yang bahasa ibundanya adalah bahasa Mandarin dilihat lebih menguasai ejaan bahasa Inggeris berbanding dengan kanak-kanak penutur jati bahasa tersebut. Namun begitu, mereka jauh lebih lemah dalam ejaan perkataan *pseudo*. Dapatan Wang dan Geva juga menunjukkan kanak-kanak berbangsa Cina mempelajari perkataan bahasa Inggeris sebagai satu leksikal penuh atau dalam bentuk visual-ortografi, dan bukannya bergantung kepada hubungan grafem-fonem.

Kajian lepas mengenai pemerolehan ejaan menunjukkan pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa asing yang mempunyai latar belakang bahasa ibundanya huruf Roman seperti bahasa Jerman atau bahasa Perancis, akan memindahkan persamaan yang mereka perhatikan dalam huruf Roman kepada bahasa Inggeris apabila mereka belajar untuk membaca dan menulis dalam bahasa tersebut. Mereka juga menggunakan paten penguasaan huruf kepada bunyi yang telah mereka ketahui (Figueredo, 2006). Ini menyebabkan pelajar-pelajar ini menghadapi masalah apabila berhadapan dengan segmen dan paten fonem yang tidak wujud dalam bahasa ibunda mereka.

Seterusnya, kajian Al-Jarf (2008) pula mengenal pasti dan menganalisis punca kesilapan ejaan pelajar Arab yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dapatan Al-Jarf (2008) menunjukkan bahawa punca kesilapan ejaan yang dilakukan oleh pelajar adalah generalisasi terlampau, pengabaian tentang peraturan ejaan dan aplikasi separa peraturan ejaan.

Chye dan Subramaniam (2012), menyelidik kesilapan leksikal daripada aspek fonologi oleh pelajar asing dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Universiti Multimedia, Cyberjaya. Seramai 75 pelajar terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mereka menunjukkan sebanyak 182 kes kesilapan ortografi/ ejaan telah dikenal pasti dan tergolong kepada kata angka asas, kata tanya, kata komunikasi asas, kata ganti nama diri dan kata sapaan. Kajian mereka mendapati bahawa jenis kesilapan fonologi yang paling kerap direkod ialah penukaran huruf dengan huruf lain.

Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan mengkelaskan kesilapan ejaan yang dilakukan oleh pelajar bahasa Perancis dalam aktiviti terjemahan mereka.

Batasan Kajian

Kajian ini akan hanya membataskan kepada kesilapan ejaan dalam aktiviti terjemahan bahasa Melayu & bahasa Inggeris kepada bahasa Perancis oleh pelajar Malaysia yang mempelajari bahasa Perancis. Ia tidak akan mengkaji jenis kesilapan lain seperti kesilapan tatabahasa, struktur bahasa dan sebagainya.

Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan analisis data secara kuantitatif dan kualitatif. Responden kajian terdiri daripada 15 pelajar Melayu di Universiti Putra Malaysia yang mempelajari bahasa Perancis peringkat lanjutan. Sebanyak 15 terjemahan pelajar ke bahasa Perancis, berkenaan cerita dongeng sepanjang 250 – 400 perkataan, telah diambil sebagai sampel kajian. Cerita dongeng ini diterjemah daripada karya bahasa Melayu atau bahasa Inggeris yang diolah sendiri oleh pelajar. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan aktiviti terjemahan disebabkan penggunaan teks asal daripada olahan pelajar sendiri. Data dikaji dengan mengaplikasikan pengkelasan kesilapan ejaan oleh Rimrott dan Heift (2008).

Pengelasan kesilapan ejaan oleh Rimrott dan Heift (2008) meliputi tiga aspek iaitu aspek fonologi, morfologi dan leksikal. Menurut Rimrott & Heift (2008), kesilapan fonologi adalah disebabkan fonologi sesuatu perkataan yang mempengaruhi ejaannya (contoh perkataan yang diberikan ialah *phoneme* yang dieja sebagai *foneme*). Kesilapan morfologi pula melibatkan masalah menyesuaikan atau menerbitkan perkataan (contohnya *went* (telah pergi) dieja sebagai *goed*). Masalah ini melibatkan generalisasi terlampau dalam pemerolehan bahasa. Aspek terakhir iaitu aspek leksikal pula menurut Rimrott dan Heift (2008), melibatkan kelemahan penguasaan leksikal dalam bahasa sasaran. Sebagai contoh kesilapan ialah ejaan *panqueques* untuk *pancakes* (Snyder,1995).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Secara keseluruhan, didapati 77 elemen kesilapan ejaan dalam kajian ini yang meliputi kesilapan dari segi fonologikal, morfologikal dan leksikal. Perincian kesilapan ejaan adalah seperti dalam Rajah 1.


Daripada Rajah 1, didapati kesilapan ejaan yang paling dominan ialah kesilapan morfologikal (44%), diikuti oleh kesilapan leksikal (28%) dan kesilapan fonologikal (28%). Dapatan ini menyokong dapatan Rimrott dan Heift (2008) yang juga mendapati bahawa kesilapan morfologikal ialah kesilapan

yang paling dominan dalam kalangan pelajar bahasa kedua.

Kesilapan Morfologikal

Kesilapan morfologikal dalam ejaan bahasa Perancis dalam kajian ini melibatkan kesilapan “ortografi gramatikal”, yang berpunca oleh kekurangan kemahiran dalam tatabahasa Perancis. Dapatan menunjukkan bahawa kesilapan morfologikal melibatkan kesilapan akhiran kata kerja serta homofoni (perkataan yang mempunyai sebutan yang sama dengan ejaan berlainan).

Dalam contoh 1-3, kesilapan morfologikal pada ejaan melibatkan penambahan auksilari kata kerja bantu *être* dan *avoir* yang sepatutnya digunakan dalam kala lampau. Dalam contoh 1-3, kesilapan morfologikal berlaku apabila kata kerja bantu ini ditambahkan kepada konjugasi kata kerja kala kini. Kesilapan yang sama berlaku pada contoh 4, tetapi di sini kesilapan melibatkan dua kata kerja kala kini yang dikonjugasikan (kata kerja *pouvoir* dikonjugasikan kepada *peuvent* dan kata kerja *raconter* kepada *racontent*). Dalam bahasa Perancis, apabila dua atau lebih kata kerja dihubungkan kepada satu kata ganti diri, hanya kata kerja pertama sahaja yang harus dikonjugasikan. Oleh yang demikian, konjugasi yang betul pada contoh 4 adalah *ils peuvent raconter*.



Rajah 1: Perincian kesilapan ejaan dalam aktiviti terjemahan ke bahasa perancis

Jadual 1: Kesilapan morfologikal pada ejaan dalam terjemahan bahasa Perancis

| | Kesilapan morfologikal yang dilakukan | Ejaan yang betul | Jenis kesilapan |
|---|--|--|---|
| 1 | <i>ils ont couraient</i> | <i>Ils couraient</i> | Penambahan auksilari <i>avoir</i> |
| 2 | <i>ils ont arrivent près de bateau</i> | <i>ils arrivent près de bateau</i> | Penambahan auksilari <i>avoir</i> |
| 3 | <i>un équipage qui est interdisent</i> | <i>un équipage qui interdit</i> | Penambahan auksilari <i>être</i> (terjemahan literal) |
| 4 | <i>ils peuvent racontent</i> | <i>ils peuvent raconter</i> | Penambahan konjugasi pada infinitif |
| 5 | <i>je reçus l'ordre</i> | <i>J'ai reçu l'ordre / je reçois l'ordre</i> | Pemilihan konjugasi dan kala kata kerja |
| 6 | <i>sa mère aussi apporter</i> | <i>sa mère apporte aussi</i> | Pengurangan konjugasi dan kesilapan penyusunan |
| 7 | <i>sa mère pleure</i> | <i>sa mère pleut</i> | Pengurangan konjugasi |
| 8 | <i>Zoc verser la potion</i> | <i>Zoc verse la potion</i> | Pengurangan konjugasi |
| 9 | <i>quand elle jouer</i> | <i>quand elle joue</i> | Pengurangan konjugasi |

Kesilapan dalam contoh 5 pula melibatkan kesilapan pemilihan kala dan konjugasi. Di sini jelas menunjukkan bahawa konjugasi bahasa Perancis mengenai kala kini dan kala lampau tidak difahami sepenuhnya oleh responden, yang menyebabkan responden mencampur adukkan kedua-dua kala tersebut, membentuk kesilapan sebagaimana dalam contoh 5 di atas. Konjugasi yang betul untuk perkataan *recevoir* ialah *j'ai reçu* (kala lampau) atau *je reçois* (kala kini).

Bentuk kesilapan morfologikal yang terakhir ialah pengurangan dalam konjugasi, di mana responden tidak menghiraukan peraturan ejaan kata kerja yang dihubungkan kepada ganti diri. Oleh yang demikian, responden telah melakukan kesilapan dengan tidak mengkonjugasikan kata kerja tersebut (lihat contoh 6-9).

Seperti dapatan Rimrott dan Heift (2008), secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kesilapan morfologikal ialah bentuk kesilapan intralingual dalam pemerolehan bahasa Perancis oleh pelajar. Kesilapan ini disebabkan oleh generalisasi terlampau oleh pelajar dalam pengejaan perkataan bahasa Perancis dan ketidakfahaman/kelemahan pelajar dalam menguasai tatabahasa bahasa Perancis terutama mengenai konjugasi kala kini dan kala depan.

Kesilapan Leksikal

Kesilapan leksikal pada ejaan dalam terjemahan bahasa Perancis adalah disebabkan kekeliruan responden dengan kosa kata Perancis, seperti dalam contoh 1 di mana responden terkeliru dengan perkataan *raconte* (menyatakan) dan *rencontre* (bertemu) dan contoh 2 di mana kekeliruan tersebut adalah pada perkataan *choqué* (terkejut) dan *chaque* (setiap).

Berlawanan dengan kesilapan morfologikal, kesilapan leksikal dalam contoh 3 & 4 pula melibatkan generalisasi terlampau perkataan dalam bahasa Perancis disebabkan oleh pengaruh interlingual daripada bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang tidak mempunyai tanda (*accent*) dalam senarai abjadnya. Oleh yang demikian, responden tidak mengambil berat dengan kewujudan *accent* dalam bahasa Perancis yang membawa kepada kesilapan leksikal. Dalam bahasa Perancis, *accent* adalah elemen yang penting kerana ianya membentuk bunyi dalam satu perkataan di samping menandakan sesuatu kata kerja ialah dalam bentuk partisip kala lampau (*participe passé*) atau pasif.

Kesilapan leksikal ini juga disebabkan oleh terjemahan literal oleh responden daripada kosa kata bahasa Inggeris yang menyebabkan perkataan-perkataan seperti *plates*, *surprise* dan *relatif* dikekalkan dalam ejaan asal bahasa

Jadual 2: Kesilapan leksikal pada ejaan dalam terjemahan bahasa Perancis

| | Kesilapan leksikal yang dilakukan | Ejaan yang betul | Jenis kesilapan |
|---|-----------------------------------|----------------------------------|--|
| 1 | <i>il raconte le capitaine</i> | <i>il rencontre le capitaine</i> | Penghampiran dengan leksikal sebenar |
| 2 | <i>il a été très chaque</i> | <i>il a été très choqué</i> | Penghampiran bunyi dengan leksikal sebenar |
| 3 | <i>des bananes fumes</i> | <i>des bananes fumées</i> | Pengguguran aksen pada e |
| 4 | <i>il vraiment choque</i> | <i>il est vraiment choqué</i> | Pengguguran aksen pada e |
| 5 | <i>il jeter des plates</i> | <i>il jette des plats</i> | Terjemahan literal daripada BI |
| 6 | <i>C'est très surprise</i> | <i>C'est très surprenant</i> | Terjemahan literal daripada BI |
| 7 | <i>attendre notre rélatifs</i> | <i>attendre nos familles</i> | Terjemahan literal daripada BI |

Jadual 3: Kesilapan fonologikal pada ejaan dalam terjemahan bahasa Perancis

| | Kesilapan fonologikal yang dilakukan | Ejaan yang betul | Jenis kesilapan |
|----|--|---|--|
| 1 | <i>une couples</i> | <i>un couple</i> | Penambahan abjad yang disenyapkan (<i>silent alphabets</i>) |
| 2 | <i>le capitaine du navire été vieux</i> | <i>le capitaine du navire était vieux</i> | Ortografi perkataan homonim |
| 3 | <i>grasse à lui</i> | <i>grâce à lui</i> | Ortografi perkataan homonim |
| 4 | <i>Tanggung est très paniquer</i> | <i>Tanggung est très paniqué</i> | Ortografi perkataan homonim |
| 5 | <i>elle s'est installé</i> | <i>elle s'est installée</i> | Pengguguran abjad yang disenyapkan (<i>silent alphabets</i>) |
| 6 | <i>qui est déjà sécher</i> | <i>qui est déjà séché</i> | Ortografi perkataan homonim |
| 7 | <i>fait une faite</i> | <i>fait une fête</i> | Ortografi perkataan homonim |
| 8 | <i>il y a beaucoup de nouveau fruits</i> | <i>il y a beaucoup de nouveaux fruits</i> | Pengguguran abjad yang disenyapkan (<i>silent alphabets</i>) |
| 9 | <i>beaucoup de biscuit et sucr</i> | <i>beaucoup de biscuits et de sucre</i> | Pengguguran abjad yang disenyapkan (<i>silent alphabets</i>) |
| 10 | <i>c'est viande ou du poulet</i> | <i>c'est de la viande ou du poulet</i> | Pengguguran abjad yang disenyapkan (<i>silent alphabets</i>) |

tersebut, tanpa mengambil kira tentang aspek makna perkataan tersebut. Jadual 2 di bawah menunjukkan contoh kesilapan leksikal oleh responden.

Kesilapan Fonologikal

Kesilapan fonologikal dalam ejaan bahasa Perancis adalah disebabkan oleh penambahan atau pengurangan abjad yang disenyapkan (*silent alphabets*), yang terdiri daripada huruf vokal dan konsonan yang tidak dibunyikan dalam sebutan perkataan bahasa Perancis seperti *alors* yang disebut sebagai *alor*, serta

dans disebut sebagai *dan*. Ini adalah kerana dalam bahasa Perancis, tidak terdapat hubungan daripada satu bunyi ke satu perkataan atau satu rangkaian perkataan. Justeru itu tidak hairanlah kesilapan penambahan atau pengurangan abjad yang disenyapkan ini dilakukan oleh responden yang bahasa ibundanya bahasa Melayu yang tidak mempunyai sistem yang sedemikian. Contoh perkataan yang mempunyai abjad yang disenyapkan adalah seperti *alors* yang disebut sebagai *alor*, serta *dans* disebut sebagai *dan*. Jadual 3 menunjukkan contoh kesilapan fonologikal dalam ejaan bahasa Perancis oleh pelajar.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, kesilapan fonologikal dalam terjemahan bahasa Perancis juga disebabkan oleh kekeliruan responden pada perkataan homonim (perkataan yang mempunyai ejaan berlainan tetapi bunyi yang sama). Contoh homonim dalam bahasa Perancis adalah di antara bentuk kata kerja asal dengan bentuk kata kerja dalam partisip yang mempunyai sebutan yang sama (contoh: *manger* dan *mangé*). Dalam contoh di atas (item 3 dan 7), responden didapati terkeliru dengan perkataan seperti *grâce* (mujurlah) dan *grasse* (lemak), *fête* (majlis) dan *faite* (perbuatan) yang mempunyai sebutan yang sama tetapi mempunyai makna yang jauh berbeza. Hazlina Abdul Halim (2011) mengkelaskan kesilapan ini sebagai penggunaan perkataan semua tujuan yang merujuk kepada generalisasi artikel, ejaan dan bentuk kata yang dikaitkan dengan kata nama tertentu, tanpa mengambil kira peraturan dan konteks di mana kosa kata tersebut sepatutnya digunakan.

Kesimpulan

Kajian ini melihat kesilapan ejaan oleh pelajar yang mempelajari bahasa Perancis dengan menggunakan pengkelasan oleh Rimrott dan Heift (2008). Seperti dapatan oleh Rimrott dan Heift (2008), kajian ini juga mendapati kesilapan ejaan yang paling kerap dilakukan ialah kesilapan morfologi. Oleh yang demikian, kajian seterusnya dicadangkan untuk mendalami lagi kesilapan morfologi dalam pemerolehan ejaan bahasa Perancis.

Rujukan

- Al-Jarf, R. (2008). *Sources of Spelling Errors in EFL Arab College Students*. Saudi Arabia: King Saud University.
- Apel, K., Masterson, J. J. & Niessen, N. L. (2004). *Spelling Assessment Frameworks. Handbook of Language and Literacy: Development and Disorder*. New York: Guilford Press.
- Fagerberg, I. (2006). *English Spelling in Swedish Secondary School: Students' Attitudes and Performance*. Sweden: Karlstad University Press.
- Figueredo, L. (2006). Using the Known to Chart the Unknown: A Review of First-language Influence on the Development of English-as-a-Second-Language Spelling Skill. *Reading and Writing: An Interdisciplinary Journal*, 19(1): 873-905.
- Chye, Y. C. & Subramaniam, V. (2012). Analisis Kesilapan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu oleh Pelajar Asing. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2): 667-692.
- Hazlina Abdul Halim. (2013). Analisis Kesilapan dan Strategi Pembelajaran Gender Gramatikal Bahasa Perancis. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 13(1): 169-184.
- Rimrott, A., & Heift, T. (2008). Evaluating Automatic Detection of Misspellings in German. *Language Learning & Technology*, 12(3): 73-92.
- Rimrott, A. & Heift, T. (2008). Classification Systems for Misspellings by Non-native Writers. Kertas kerja di Pre-CALICO Workshop on "Automatic Analysis of Learner Language". San Francisco, CA.
- Snyder, W. E. (1995). *Cognitive Strategies in Second Language Lexical Processing: Evidence from English Speakers' Spelling Errors in Spanish*. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Illinois: Northwestern University.
- Wang, M. & Geva, E. (2003). Spelling Performance of Chinese Children Using English as a Second Language: Lexical and Visual-orthographic Processes. *Applied Psycholinguistics*, 24: 1-25.